



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 MAY 2016

Um- 22/5/2016
DR. M DAN REALITI

APABILA Dr. Mahathir secara terbuka mahu BN ditumbangkan dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar, ramai yang sinikal. Bukan itu sahaja, keazaman beliau untuk melihat BN menerima padah besar pada pilihan raya umum akan datang, terus menyala.

Awang merasakan beliau masih terbawa amarah dan emosi sehingga pendekatannya tidak lagi elegan. Ternyata Dr. Mahathir telah berpatah arang, berkerat rotan terhadap BN dan UMNO, parti yang dipimpinnnya lebih dua dekad.

Namun Dr. Mahathir harus menerima realiti. Situasi sudah berubah dan tidak lagi memihak kepadanya. Banyak petunjuk yang positif kepada peluang BN mempertahankan kedua-dua kerusi itu.

Motivasi kemenangan besar Pilihan Raya Negeri Sarawak, perpecahan pakatan pembangkang dan kedudukan kukuh UMNO antara faktor BN punyai kelebihan.

Rekod beliau juga bercerita. Perhimpunan haram Bersih tiada

impak walau dua hari berturut-turut dihadiri Dr. Mahathir; selain banyak kenyataannya yang panas berkaitan 1MDB dan sumbangan RM2.6 bilion didapati tidak sah serta kegagalan Deklarasi Rakyat, cukup untuk kita semua menilai.

Sesiapa pun termasuk Dr. Mahathir boleh membuat apa sahaja percaturan. Sehebat-hebat manusia merancang, tidak mampu mengatasi ketentuan-Nya. Itu juga pegangan Awang.